

**NO. SOALAN: 89**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan pengajian pondok supaya lebih teratur dan membolehkan pelajarnya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk memartabatkan Islam termasuk menerusi program-program pembangunan pendidikan Islam. Justeru itu, semua institusi pendidikan agama termasuk institusi pondok yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu mendapat kelulusan dan berdaftar dengan pihak berkuasa agama negeri dan tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama serta

peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai II - Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Oleh itu, usaha untuk memperkasakan institusi berkenaan adalah berada di bawah kawalan pihak negeri berkenaan dan pengurusan institusi tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi memperkasa institusi pondok, selain bantuan yang diterima dari Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sebanyak RM25 juta pada tahun 2015 secara *one-off* kepada 119 buah institusi pengajian pondok bagi tujuan menyelengara fasiliti pendidikan dalam aspek keselamatan dan persekitaran pembelajarannya.

Kerajaan juga turut menggalakkan institusi pondok supaya berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Antara kebaikan berdaftar sebagai SABK ialah menerima bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, bantuan modal bagi pembangunan fizikal sekolah, jawatan hakiki guru diwujudkan serta menerima guru yang terlatih, Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) percuma bagi institusi pondok yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang berdaftar dengan JAIN/MAIN. Ini bagi memastikan matlamat penubuhan dan operasi institusi pondok berkenaan selaras dengan pendidikan arus perdana di samping memudahkan sebarang bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada sekolah-sekolah tersebut.

Sekian, terima kasih.